

03/10/1999

Lasak, bergaya

HAMPIR 20 anggota pasukan akrobatik bermotosikal dari Pasukan Tatu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menaiki tiga motosikal jenis Guzi sambil membawa Jalur Gemilang dan bendera cawangan perkhidmatan mereka di Litar F1 Sepang, semalam.

Mereka disokong beberapa lagi anggota yang menaiki motosikal lain termasuk motosikal keluaran tempatan, Modenas Jaguh ketika mempamerkan pelbagai aksi majlis raptai pertama pelancaran perlumbaan F1 Grand Prix Petronas Malaysia, 17 Oktober ini.

Selain pasukan tatu, beberapa pertunjukan hebat pasukan payung terjun, pancaragam dan pertunjukan lintas udara juga akan memeriahkan perlumbaan berprestij yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

(END)